



ISTIADAT KONVOKESYEN KE-3 UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Istiadat Konvokesyen Ke-3 Universiti Malaysia Perlis telah berlangsung dengan gilang gemilangnya pada 16 Ogos 2008 di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Istiadat kali ke-3 yang dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalulail ini, menyaksikan penganugerahan ijazah kepada 652 orang graduan pelbagai program pengajian.

Daripada jumlah berkenaan, UniMAP telah berjaya melahirkan tiga orang graduan peringkat Ijazah Doktor Falsafah buat julung kalinya. Empat orang graduan turut menerima Ijazah Sarjana Sains iaitu seorang bagi Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mekatronik); dua orang bagi Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik) dan seorang bagi Ijazah Sarjana Sains (Kejuruteraan Komputer).



Bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda pula, 58 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Sistem Elektrik); 67 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik Industri) ; 61 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Bahan) ; 61 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Metalurgi) ; 59 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mekatronik) ; 69 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Pembuatan) ; 71 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Mikroelektronik) ; 81 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Elektronik) ; 57 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Komputer) ; dan 61 orang menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Perhubungan).



Pada istiadat ini juga, Universiti Malaysia Perlis telah menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan kepada Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin bin Syed Salim, mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti di atas segala sumbangan tenaga dan buah fikiran yang cemerlang sepanjang beliau menerajui UniMAP.

Enam orang graduan cemerlang juga turut menerima pingat masing-masing semasa istiadat ini. Nor Amalina binti Muhayudin, graduan program pengajian kejuruteraan Pembuatan dan Sim Zheng Yuen, graduan program pengajian kejuruteraan Bahan menerima Anugerah Pelajaran Diraja manakala Ng Lim Yong, graduan program pengajian kejuruteraan Pembuatan dan Norul Fatihah Binti Abdul Hadi, graduan program pengajian kejuruteraan Metalurgi masing-masing menerima Anugerah Pingat Emas Canselor. Anugerah Pingat Emas Naib Canselor pula dikurniakan kepada Norliana Bte Khamisan, graduan program pengajian kejuruteraan Elektronik Industri dan Sam Poh Mun, graduan program pengajian kejuruteraan Mikroelektronik.



DYTM Canselor UniMAP di dalam titah ucapannya menyarankan agar para graduan, berikhtiar melengkapkan dirinya dengan kelebihan-kelebihan tertentu yang sukar ditandingi atau ditiru oleh graduan-graduan lain sebagai usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran para graduan di pasaran kerja. Baginda bertitah, sifat-sifat kemahiran analitikal, sintesis, dan pemikiran kreatif serta kebolehan menambah nilai kepada sumber yang sedia ada, bertindak jauh di hadapan sebagai pemimpin serta berkeupayaan mengambil atau merujuk sumber pengetahuan di luar bingkai ilmu dan pemikiran yang sedia ada, harus ada di dalam diri masing-masing agar ianya dapat dimanfaatkan demi membangun dan mengukuhkan lagi kekuatan diri, masyarakat dan negara. Sebagai Alumni UniMAP pula, Baginda menyeru agar para graduan tidak sesekali melupakan universiti ini dan kembali untuk menabur bakti bagi kemajuan dan terus mengangkat martabat universiti di persada negara dan antarabangsa.



Sebagai meraikan para tetamu yang hadir ke Istiadat ini, UniMAP turut mengadakan Majlis Santapan Malam pada 15 Ogos 2008 di Dewan Warisan, Kangar, Perlis. Majlis yang diserikan dengan keberangkatan DYTMCanselor turut menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman di antara UniMAP dengan 12 buah industri dan 16 buah institusi pengajian tinggi luar negara. Antaranya ialah Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd., Sirim Berhad, Silterra Malaysia Sdn. Bhd., Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn. Bhd. Swiss Asean Technical Institute, Switzerland, Wailalak University, Thailand, Institut Teknologi Medan, Indonesia dan Buskerud University College, Norway.

Di dalam Majlis berkenaan juga, DYTMCanselor turut berkenaan melancarkan penerbitan khas 2008 yang terdiri daripada 4 buah Buku, 2 buah terbitan berkala, 21 modul makmal dan 3 modul pengajaran. Seramai 22 orang graduan cemerlang juga turut menerima pingat kecemerlangan masing-masing di dalam majlis ini. Pingat-pingat telah disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP sendiri.

Di dalam ucapan aluannya, Naib Canselor menyatakan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak industri dan organisasi yang sudi bekerjasama dan memberi sokongan padu kepada Universiti ini. Semoga jalinan persefahaman yang dibentuk akan meningkatkan lagi peluang kerjasama di dalam bidang akademik dan penyelidikan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Beliau turut mengucapkan tahniah kepada para graduan dan berharap agar segala ilmu yang ditimba sepanjang berada di universiti ini akan dimanfaatkan dengan sebaiknya demi masa depan diri, bangsa dan tanah air.